

TINJAU... Banjir yang melanda hampir seluruh Johor sejak Ahad lalu menarik perhatian pelbagai pihak termasuk Naib Ketua Pergerakan Pemuda UMNO, Khairy Jamaluddin yang membuat lawatan ke beberapa pusat pemindahan mangsa banjir di negeri itu.

Dalam lawatannya ke pusat pemindahan sementara di Sekolah Menengah Datuk Bentara Dalam di Segamat semalam, beliau bertanya khabar kepada 130 orang mangsa banjir yang dipindahkan dari Kampung Sedeng 1 dan 2 serta Taman Pelangi, Segamat.

Turut serta pada lawatan itu ialah Ahli Dewan Undangan Negeri kawasan Kemelah, Ayub Rahmat dan Pengetua SMK Datuk Bentara Dalam, Mohammad Kassim.

● **KHAIRY** Jamaluddin (kanan) bertanya khabar mangsa banjir di pusat pemindahan sementara di Sekolah Menengah Kebangsaan Datuk Bentara Dalam, Segamat, Johor, semalam.



Yong Peng, Segamat putus hubungan

BATU PAHAT 21 Dis. - Hubungan darat antara Yong Peng dan Segamat terputus apabila sebuah jambatan konkrit yang merentangi Sungai Lenik di Chaah dihanyutkan arus deras petang semalam.

Jurucakap polis memberitahu, keadaan itu menyebabkan banyak kenderaan tersekat manakala beribu-ribu penduduk di kawasan berkenaan berhadapan dengan kesukaran untuk mendapatkan bekalan barangan keperluan.

Selain itu, katanya, jalan di Kampung Batu 4, Jalan Yong Peng - Chaah juga dinaiki air dan hanya boleh dilalui oleh kenderaan berat.

"Jalan-jalan lain yang terputus hubungan di Segamat ialah laluan ke Felda Redong, Pemanis dan Desa Temu Johor," katanya ketika dihubungi di sini hari ini.

Jurucakap itu memberitahu, walaupun paras air di Segamat mulai surut tetapi penduduk yang dipindahkan masih belum boleh dibenarkan pulang ke rumah masing-masing.

Sementara itu, Pegawai Pentadbir Agama Batu Pahat, Ahmad Faisal Mohamed memberi-

tahu, Pejabat Agama daerah Batu Pahat menerusi Baitulmal sudah mengedarkan 1,000 tikar plastik dan selimut kepada mangsa banjir di daerah itu.

Setakat ini, hampir 4,000 mangsa banjir dari daerah Batu Pahat ditempatkan di pusat pemindahan sementara selepas berpuh-puluh kawasan di daerah itu dinaiki air sejak dua hari lalu.

Beliau berkata, bantuan itu adalah tambahan kepada bantuan makanan yang disediakan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) kepada mereka yang terlibat.

"Pejabat agama tiada masalah untuk menyediakan bantuan selimut dan tilam kepada mangsa banjir yang jumlahnya semakin meningkat," jelasnya.

Mohamad Faisal berkata, bantuan itu diharap dapat memberi sedikit keselesaan kepada mangsa banjir terbahit khususnya anak-anak kecil dan warga emas.

Beliau menambah, jika keadaan banjir berlarutan sehingga hujung minggu ini, semua kakitangan jabatan itu akan diarah turun padang untuk memberi bantuan.